

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
NAIB CANSOLOR UniMAP  
SEMPENA PROGRAM KAYUHAN LIMPAHAN KASIH UniMAP  
DI KAMPUNG BALIK GUAR, CHUPING  
21HB JANUARI 2018 (AHAD)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI DIRAJA**

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Tuanku Canselor UniMAP

dan

Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, yang juga Tuanku Pro-Canselor UniMAP

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun, Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua berangkat bercemar duli sekaligus merasmikan **Majlis Penutup Program Kayuhan Limpaan Kasih UniMAP 2018 di Kampung Balik Guar, Chuping** yang diadakan pada hari yang berbahagia ini.

Ampun Tuanku, izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

## **SALUTASI**

Yang Berhormat Puan Asmaiza Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Chuping merangkap Exco Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Pengangkutan, Pembangunan Wilayah, Koridor, Kawasan Pertubuhan Baru & Bandar Baru

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis

Yang Berusaha Datin Paduka Profesor Datuk Dr. Hjh. Ramlah Adam, Pengarah Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan & Komuniti (IKRK) merangkap Pengerusi Program Kayuhan Limpahan Kasih UniMAP

Yang Berusaha Encik Mohd Fahusli bin Ali, Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP

Pegawai- pegawai Utama UniMAP, Penolong-Penolong Naib Canselor

Ketua-ketua Jabatan UniMAP

Ketua-ketua Jabatan Negeri Perlis

Rakan-rakan media

AJK Penduduk Kampung Balik Guar & Kok Klang

Seterusnya warga kerja serta hadirin hadirat sekalian.

## **ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan izin-NYA dapat kita bertemu pada hari ini sempena Kayuhan Limpahan Kasih UniMAP. Terlebih dulu setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa program yang diketuai Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan & Komuniti (IKRK) UniMAP yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar.
2. Sesungguhnya pengelolaan program seumpama ini adalah satu cabaran ke atas kebolehan dan kemampuan penganjur untuk mengurus serta mengendalikan satu aktiviti sihat di samping mendekati UniMAP dengan masyarakat Perlis.
3. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang turut hadir bagi menjayakan program pada hari ini. Saya yakin, dengan kehadiran anda ini menunjukkan keprihatinan serta komitmen padu kita untuk bersama-sama menyemarakkan lagi semangat perpaduan di dalam diri kita.

Hadirin yang dihormati

## **AKTIVITI KAYUHAN & BANTUAN ASNAF**

4. Pada hari ini pelbagai aktiviti telah berlangsung secara serentak. Malah saya juga difahamkan bahawa aktiviti gotong-royong serta mengecat surau telah diadakan sejak semalam, manakala aktiviti memasak antara warga UniMAP dan orang kampung telah diadakan bermula awal pagi ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada keseluruhan sekretariat dan warga penduduk yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya mewakili warga UniMAP amat

- berbangga kerana niat murni kami dapat direalisasikan sempena Program Limpahan Kasih pada hari ini.
5. Seperti yang kita tahu, sukan berbasikal telah menjadi antara sukan yang paling digemari pelbagai golongan masyarakat tidak kira peringkat umur, malahan di Bandar-bandar besar sendiri dapat kita lihat begitu ramai orang melakukan aktiviti riadah bersama keluarga dengan aktiviti berbasikal.
  6. Seperti sedia maklum, di Perlis, aktiviti berbasikal ini adalah cetusan idea oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku sendiri yang mana baginda sentiasa menitikberatkan gaya hidup sihat.
  7. Saya percaya, warga yang sihat, cergas dan berdisiplin dapat menyumbang kepada prestasi dan peningkatan produktiviti untuk diri dan negara. Namun sudah tentu semua ini tidak akan terhasil dengan semudah petik jari sahaja. Tetapi berkat kerja keras dan usaha berterusan daripada semua pihak mampu memastikan tujuan dan kesepaduan kita dapat direalisasikan.
  8. Rakyat Perlis amat bertuah kerana mempunyai Raja yang prihatin kepada rakyatnya. Saya sebagai Naib Canselor UniMAP amat berbangga kerana Perlis mempunyai seorang Raja yang sentiasa dekat di hati Rakyat. Ini kerana sepanjang program kayuhan yang dilakukan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku, baginda turut melakukan kerja amal antaranya menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin. Malah pada program hari ini juga baginda telah menyampaikan sumbangan kepada 4 buah rumah Asnaf di sepanjang kayuhan tadi.

**TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (UNIVERSITY SOCIETY RESPONSIBILITY - USR)**

Hadirin sekalian

9. Seperti yang telah kita sedia maklum, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) berperanan sebagai ‘One-stop Community Outreach Centre’ yang membawa pelbagai kepakaran dan sumber universiti melalui pengendalian serta pemantauan inisiatif keterlibatan universiti-komuniti berteraskan ilmu yang berimpak, inovatif dan lestari dalam proses mentransformasikan komuniti tempatan. Ianya merupakan cetusan yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Seri Najib Tun Razak pada tahun 2012.
10. Justeru itu, UniMAP melalui Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan & Komuniti (IKRK) telah mengambil tanggungjawab ini dengan berkongsi kepakaran kepada masyarakat setempat. Hubungan baik antara UCTC UniMAP & 3 buah Mini RTC di Perlis khususnya Mini RTC Kok Klang, UniMAP bertanggungjawab memastikan objektif tersebut telah direalisasikan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah Program Pemerksaan Usahawan Kecil (PPUK), Kelas Tuisyen secara percuma, Program Inovasi & Robotik, kelas masakan serta kelas solekan.
11. Hasil daripada pembelajaran pada program tersebut dapat mewujudkan “Satu Usahawan, Satu Rumah”. Para peserta yang terdiri daripada warga suri rumah dapat mempertingkatkan pendapatan isi rumah.
12. Di samping itu juga, PPUK memberi peluang perniagaan kepada penduduk luar bandar untuk mempromosikan produk mereka ke

- peringkat lebih tinggi setelah mengikuti Program Pemerkasaan Usahawan Kecil (PPUK).
13. Bagi pihak UniMAP, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah RISDA Negeri Perlis, En. Abd. Rahim Hashim, kerana memberi peluang kepada UniMAP untuk bekerjasama dalam melahirkan Usahawan Kecil ini. Atas kejayaan program ini, diharapkan jalinan di antara UniMAP dan Mini RTC di Negeri Perlis akan berterusan.
  14. Selain itu, dengan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial di kalangan warga UniMAP, pensyarah-pensyarah daripada PPK Sistem Elektrik juga turut sama membantu masyarakat setempat melalui perkongsian kepakaran dalam teknologi panel solar yang dipasang di Surau Kampung Balik Guar.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **TEKNOLOGI PANEL SOLAR**

15. Teknologi Panel Solar bukan lagi teknologi baharu di negara ini. Ia mempunyai banyak kebaikan antaranya mesra alam malahan ia merupakan sumber Tenaga Boleh Baharu (renewable energy) yang paling berpotensi untuk menjana elektrik bagi rumah-rumah kediaman.
16. Lebih menarik lagi tenaga solar amat sesuai diletakkan di pusat pemindahan banjir sebagai salah satu alternatif bekalan elektrik pada musim bencana sekiranya pencawang elektrik ditenggelami air sehingga menyebabkan gangguan bekalan elektrik di kawasan terlibat banjir.

17. Sebagai sebuah universiti di Perlis, UniMAP merasakan amat perlu berkongsi segala ilmu dan teknologi terkini yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat Perlis. Oleh itu pada hari ini kita telah memilih surau Kampung Balik Guar, Chuping untuk dipasang panel solar daripada UniMAP.
18. InsyaAllah, kita akan terus membantu dan menggalakkan individu atau syarikat korporat untuk mewakafkan Panel solar di surau dan masjid di negeri ini sebagai satu daripada cara menampung kos untuk menjalankan aktiviti dan program kemasyarakatan.
19. Ini kerana melalui sistem solar ini juga, masyarakat boleh sama-sama menyumbang kepada pembangunan masjid selain memperkenalkan konsep tenaga baharu kepada masyarakat setempat.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **PENUTUP**

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Yang Berhormat Puan Asmaiza Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Chuping, seluruh AJK serta penduduk Kampung Balik Guar dan Kampung Kok Klang, Pasukan PDRM khususnya dari IPD Mata Ayer, Pasukan BOMBA, staf Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Perlis, warga MAIPs, Dato' Abu Hassan Salleh serta seluruh warga kerja sekretariat UniMAP yang bekerja keras selama ini bagi menjayakan Program kita pada hari ini. Terima Kasih saya ucapkan.

21. Harapan saya, program ini dapat diteruskan lagi kerana saya percaya ia akan menjadi salah satu landasan penting bagi semua pihak yang terlibat untuk saling bermesra dan lebih mengenali antara satu sama lain.
22. Saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua jawatankuasa dan penduduk kampung yang terlibat sesungguhnya tanpa kerjasama erat dan kesepaduan daripada semua pihak, segala program yang dirancang tidak akan berjaya mencapai matlamatnya. Kepada semua, gunakanlah kesempatan ini untuk saling berkenal-kenalan dan membina jalinan kerjasama erat. Saya berdoa semoga program kayuhan ini akan berjalan dengan meriah dan sempurna berlandaskan semangat jatidiri yang tulen.

Ampun tuanku,

23. Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kebawah Duli Tuanku berdua kerana sudi bercemar Duli berangkat ke majlis pada hari ini.
24. Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.